




SEMARAK ILMU
PUBLISHING
20210324B161003316878-P

Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture

Journal homepage:
<https://semarakilmu.com.my/journals/index.php/sijisc>
ISSN: 3036-020X



Practices and Beliefs and The Level of Understanding about Superstitions Related to Shamans Among Malay Women

Amalan dan Kepercayaan serta Tahap Kefahaman Tentang Khurafat Berkaitan Bomoh Dalam Kalangan Wanita Melayu

Rahmat Abdullah^{1,*}

¹ Unit Pengajian AM, Kolej Komuniti Kuala Langat, Jalan Sultan Suleiman Shah 42700 Banting, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 30 August 2023

Received in revised form 18 December 2023

Accepted 12 February 2024

Available online 1 June 2024

ABSTRACT

Various tips and customs have long existed and are practiced in the life of the Malay community in Malaysia. Because of that, the identity of the Malays in the past held fast to traditional medicine from shamans, charmers, and village midwives. They are individuals who will be consulted by the village community if there are any problems related to interference from the supernatural. Islam explains that all forms of unseen things are under the authority of Allah S.W.T. This paper aims to identify practices and superstitious beliefs related to shamans as well as assess the level of understanding of pregnant and given birth Malay women about practices and superstitious beliefs related to shamans. The main method used in this study is questionnaire (quantitative with yes and no question). Non-participant observation was also conducted as triangulation. The respondents consisted of 45 Malay women who had been pregnant and given birth and lived in a village in Central Melaka. Data analysis using the percentage method through Microsoft Excel software by submitting a questionnaire on practices and superstitions related to shamans whether they have ever performed or never performed to Malay women who have been pregnant and given birth. Findings show that there are 7 practices and superstitions of Malay women pregnant and giving birth related to shamans. The practice and belief of drinking washing water that has been conjured by a shaman with the aim of facilitating the delivery process shows the highest percentage of 100 percent while the practice and belief of pregnant women about baby shower shows the lowest percentage of 6.7 percent. In addition, pregnant and given birth mothers' understanding of superstitious practices against shamans is at a moderate level. The highest mean value of 4.75 refers to the respondent understanding that superstitious acts against shamans are included in major sins and shirk to God while the lowest mean value of 1.43 refers to the statement I understand all superstitious practices related to shamans and have never done it. In conclusion, the practices and superstitious beliefs related to shamans should be avoided because they lead to the corruption of faith, great sin, associating with God and being thrown into hell in the afterlife if they do not repent while in this world.

Keywords:

Practice; trust; understanding; superstition; shaman; pregnant; giving birth women

* Corresponding author

Email: rahmatabdullah.eme@gmail.com

Amalan; kepercayaan; kefahaman;
khurafat; bomoh; wanita hamil; bersalin

Pelbagai petua dan adat resam telah lama wujud dan diamalkan di dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Oleh kerana itu, identiti orang Melayu terdahulu berpegang kuat dengan cara perubatan tradisional daripada bomoh, pawang, dukun dan bidan kampung. Mereka adalah individu yang akan dirujuk oleh masyarakat kampung sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkaitan gangguan dari alam ghaib. Islam menerangkan bahawa segala bentuk perkara ghaib adalah di bawah kekuasaan Allah S.W.T. Kajian ni bertujuan untuk mengenal pasti amalan dan kepercayaan khurafat berkaitan bomoh serta menilai tahap kefahaman wanita Melayu hamil dan bersalin tentang amalan dan kepercayaan khurafat berkaitan bomoh. Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soalselidik (kuantitatif). Responden adalah terdiri daripada 45 orang wanita Melayu yang pernah hamil dan bersalin serta tinggal di sebuah kampung di Melaka Tengah. Analisis data menggunakan kaedah peratusan melalui perisian Microsoft Excel. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat 7 amalan dan kepercayaan khurafat wanita Melayu hamil dan bersalin berkaitan bomoh. Amalan dan kepercayaan meminum air selusuh yang telah dijambi bomoh dengan tujuan akan memudahkan proses bersalin menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 100% manakala amalan dan kepercayaan wanita hamil tentang “*baby shower*” menunjukkan peratusan yang terendah iaitu sebanyak 6.7%. Selain itu, kefahaman ibu hamil dan bersalin tentang amalan khurafat terhadap bomoh berada pada tahap sederhana. Nilai min tertinggi iaitu 4.75 merujuk kepada responden memahami perbuatan khurafat terhadap bomoh adalah termasuk di dalam dosa-dosa besar dan syirik kepada Allah manakala nilai min terendah iaitu 1.43 merujuk kepada pernyataan ‘saya memahami keseluruhan amalan khurafat berkaitan bomoh dan tidak pernah melakukannya’. Kesimpulannya amalan dan kepercayaan khurafat berkaitan bomoh perlulah dielak dan dijauhkan kerana membawa kepada rosaknya akidah, berdosa besar, mensyirikkan Tuhan dan dicampakkan ke dalam neraka di akhirat kelak sekiranya tidak bertaubat semasa di dunia.

1. Pengenalan

Amalan dan kepercayaan khurafat berpunca daripada campur aduk fahaman yang salah terhadap sesuatu perkara atau meniru gaya hidup agama lain selain Islam. Perkara ini menjadikan sebahagian masyarakat Melayu mudah mengikut nasihat serta pengalaman orang yang terdahulu yang dipanggil “petua” tanpa diusul periksa. Akhirnya, amalan khurafat menjadi ikutan serta dianggap lebih baik sekiranya diamalkan. Namun, tidak kurang hebatnya akibat yang akan ditanggung sekiranya ditinggalkan [1]. Pelbagai bentuk bala dan ancaman akan bermain difikiran sehingga menyebabkan amalan khurafat dianggap relevan sehingga ke hari ini. Terdapat pelbagai unsur khurafat di dalam segenap sudut kehidupan masyarakat Melayu di Melaka terutama di dalam bidang yang dikaji iaitu berkaitan bayi dari dalam kandungan sehingga kelahiran yang sering kali dikaitkan dengan bomoh. Fokus utama kajian adalah terhadap wanita hamil yang pernah mengamalkan amalan dan kepercayaan khurafat semasa mengandung dan bersalin berkaitan bomoh.

Merujuk bomoh sudah menjadi kebiasaan dan amalan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya masih terdapat lagi segelintir masyarakat Melayu yang mendatangi bomoh untuk mendapatkan rawatan, nasihat, tunjuk ajar, petua, adat dan pantang larang dalam zaman yang serba canggih ini. Lebih dahsyat lagi, tidak pula menolak omongan kosong bomoh walaupun telah terbukti dengan pelbagai kebenaran peralatan canggih melalui kaedah perubatan sains dan teknologi berkaitan bayi dari dalam kandungan sehingga kelahiran. Merasakan bahawa perubatan moden masih belum mampu menjangkau pengetahuan bomoh terhadap alam ghaib. Ini kerana bayi mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan alam ghaib menurut pandangan bomoh, dukun, pawang dan bidan kampung. Oleh kerana itu, sesetengah ibu

hamil dan bersalin sangat mempercayai kata-kata dan ramalan bomoh tentang masa depan dirinya serta anak yang berada di dalam kandungannya [2].

Sangat jelas perbuatan dan kepercayaan khurafat dipengaruhi dengan unsur alam ghaib. Oleh kerana itu pakar yang akan dirujuk adalah bomoh berbanding doktor pakar di dalam bidang perubatan. Terlalu banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan amalan dan kepercayaan khurafat orang Melayu antaranya berkaitan pemujaan kubur, keris lama, barang antik, cincin dan lembing, tempat-tempat yang dianggap keramat seperti perigi Neneh Kebayan, Tasik Bunian dan Pokok Disula yang berada di Pulau Besar Melaka [3]. Namun masih belum giat lagi dijalankan kajian berkaitan amalan dan kepercayaan khurafat berkaitan bomoh terhadap wanita hamil dan bersalin yang bersangkut paut antara wanita dan bayi. Pentingnya kajian ini dijalankan adalah untuk membongkar sebanyak mungkin amalan dan kepercayaan khurafat wanita hamil dan bersalin berkaitan bomoh dalam kalangan masyarakat Melayu dan menilai sejauh mana tahap kefahaman wanita Melayu hamil dan bersalin terhadap bomoh. Justeru itu kajian ini dibentuk adalah untuk mengenal pasti amalan khurafat yang dilakukan oleh wanita Melayu semasa hamil dan bersalin yang bersangkutan dengan kepercayaan terhadap bomoh serta menghuraikan tahap kefahaman berkaitan bomoh dalam kalangan wanita Melayu hamil dan bersalin.

Satu kajian telah dijalankan bertajuk "Old Advices/Tips and Healthcare Practice as A Malay Local Knowledge Based on Manuscript MSS3140 Kitab Tibb" yang telah dijalankan dalam bentuk kualitatif membincangkan bahawa air selusuh sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Dapatkan kajian merumuskan bahawa orang Melayu mempunyai kaedah tersendiri di dalam mencari penawar terhadap pelbagai penyakit. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu telah beradaptasi dengan alam semulajadi. Air selusuh kebiasaannya akan diberikan oleh bomoh kepada ibu hamil yang telah sampai masa untuk bersalin. Jampi serapah yang dibacakan pada air adalah berbentuk permohonan dan permintaan selain daripada Allah S.W.T. Perbuatan ini membawa kepada syirik dan khurafat yang nyata [4].

Menurut kajian yang telah dijalankan bertajuk "Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir." Istilah mandi 7 bulan atau "*Baby shower*" yang diamalkan dalam masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk mendapat keselamatan bagi ibu hamil dan juga bayi supaya mudah melalui proses bersalin. Kajian tersebut memfokuskan tentang adat dan syariat yang dibenarkan di dalam majlis tersebut dengan mengadakan bacaan al-Quran dan doa selamat. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kualitatif. Dapatkan kajian telah merumuskan bahawa majlis mandi 7 bulan boleh di terima di dalam Islam sekiranya tidak bercampur dengan unsur syirik kepada Allah [5].

Begitu juga halnya berkaitan tangkal yang dipakaikan kepada bayi bagi mengelakkan gangguan makhluk halus. Satu kajian yang bertajuk "Mitos Dalam Merawat Bayi Di Desa Kelong" dijalankan dalam bentuk kualitatif membincangkan bahawa masih lagi terdapat pegangan yang kuat daripada para ibu berkaitan kepercayaan terhadap penggunaan tangkal kepada bayi. Namun oleh kerana, kesedaran terhadap khurafat yang kurang di dalam diri masyarakat menjadikan perbuatan memakai tangkal adalah sebagai satu mitos yang dianggap tidak bercanggah dengan agama Islam. Namun terdapat juga masyarakat di Desa Kelong yang menyedari bahawa memakai tangkal adalah syirik. Pendekatan yang diambil adalah dengan berpura-pura memakaikan tangkal kepada bayi apabila berhadapan dengan orang tua yang tegar mempercayai tangkal [6].

Memakai kalung daripada pelbagai warna benang dan juga kulit kerang kepada bayi bertujuan untuk menghindarkan bayi daripada penyakit adalah meniru agama Hindu. Satu kajian telah dijalankan yang bertajuk (*Personalistik, Etiologi Penyakit, dan Sistem Perlindungan Diri: Menyingkap Perspektif Tradisi Masyarakat Melayu Kedah*) dalam bentuk kualitatif membincangkan bahawa terdapat kepercayaan tertentu mengenai penyakit berpunca daripada hantu. Hantu terbahagi

kepada hantu baik dan hantu buruk yang boleh menjaga manusia daripada pelbagai penyakit dan menyebabkan kemudaratan kepada manusia. Justeru itu, kalung dan tangkal berupaya untuk mencegah manusia daripada gangguan makhluk halus. Ini adalah kepercayaan khurafat yang bercanggah daripada ajaran agama Islam [7].

2. Metodologi

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan memberikan soalan berbentuk pilihan sama ada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan perkara khurafat terhadap bayi dari dalam kandungan sehingga kelahiran. Pengkaji akan menggunakan data peratusan untuk menjawab soalan berkaitan senarai amalan-amalan khurafat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu di Melaka tengah. Ini keranauraian peratusan lebih tepat untuk membuktikan berapa ramai bilangan yang masih melakukan amalan khurafat terhadap bayi. Seramai 45 orang responden terlibat di dalam kajian ini dalam kalangan wanita yang pernah hamil dan bersalin. Pengkaji menggunakan sampel populasi berdasarkan kaedah persampelan Krejcie and Morgan [8] yang menunjukkan 95 peratus ketepatan bagi jumlah responden sebanyak 40 orang wanita sahaja. Justeru itu, pengkaji mendatangi responden dari rumah ke rumah di sebuah kampung di Melaka Tengah, Melaka agar responden terdiri daripada orang yang benar-benar wujud dan tepat untuk hasil dapatan kajian pengkaji. Data yang diperoleh akan dianalisa menggunakan “*Statistical Package for Sosial Science (SPSS)*” versi 24. Analisis deskriptif yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab satu persoalan berkaitan tahap kefahaman responden tentang khurafat berkaitan bomoh dan diinterpretasi berdasarkan kepada skor interpretasi [9].

3. Analisis Kajian

3.1 Analisa Keseluruhan Maklumbalas Responden

Jadual 1

Distribusi umum responden berdasarkan kriteria

Kriteria responden	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Umur		
20 – 29 tahun	3	6.7
30 – 39 tahun	8	17.8
40 – 49 tahun	10	22.2
50 – 59 tahun	6	13.3
60 tahun ke atas	18	40.0
Jumlah	45	100
Pendidikan		
Sekolah rendah	25	55.6
Sekolah menengah	6	13.3
SPM	11	24.4
Diploma	3	6.7
Jumlah	45	100.0
Bilangan anak		
1 Orang anak	7	15.5
2 Orang anak	12	26.7
3 Orang anak	5	11.1
4 Orang anak	3	6.7
5 Orang anak	8	17.8
6 Orang anak dan lebih	10	22.2
Jumlah	45	100.0

Berdasarkan daripada Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (40%) mewakili 18 orang responden adalah terdiri daripada umur 60 tahun dan ke atas. Majoriti responden adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah responden yang terendah adalah daripada usia 20 sehingga 29 tahun yang terdiri daripada 3 orang wanita yang pernah hamil dengan peratusan sebanyak 6.7%.

Taraf pendidikan tertinggi yang teramai dikalangan responden adalah daripada golongan yang mendapat pendidikan hanya sekadar sekolah rendah iaitu seramai 25 orang mewakili 55.6%. Ini bermakna, lebih daripada separuh responden yang tidak menyambung pelajar ke sekolah menengah selepas tamat daripada sekolah rendah (mendapat pendidikan bermula seawal 6 tahun sehingga 12 tahun sahaja). Jadual 2 juga merujuk kepada responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi, iaitu daripada golongan yang mempunyai diploma. Namun hanya 3 orang responden sahaja bersamaan 6.7% yang mempunyai diploma daripada pelbagai bidang yang diceburi. Responden yang terendah mempunyai peratusan terendah adalah merupakan daripada golongan pelajar lepasan diploma.

Responden yang pernah melahirkan anak seramai 2 orang membawa kepada jumlah peratusan tertinggi iaitu 26.7% mewakili 12 orang responden. Jumlah kedua tertinggi adalah daripada kalangan responden yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 6 orang anak dan ke atas iaitu mewakili 22.2% yang berjumlah seramai 10 orang responden. Berdasarkan kepada jumlah ini, jangkaan awal pengkaji mendapati bahawa amalan khurafat terhadap bayi masih banyak dilakukan dan berulang kali berdasarkan kepada jumlah wanita yang pernah hamil lebih daripada sekali. Rumusan awal mendapati kebarangkalian wanita hamil melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali (semasa kehamilan dan melahirkan) adalah sangat tinggi. Peratusan terendah adalah sebanyak 6.7% iaitu mewakili 3 orang wanita yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 4 orang. Tidak terkecuali, golongan peratusan terendah ini juga (walaupun hanya 3 orang responden), pernah melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali semasa proses kehamilan dan kelahiran bayi.

Justeru itu, hasil dapatan kajian pengkaji adalah sangat relevan untuk diperbahaskan dan diperbincangkan kerana terdapat amalan dan kepercayaan khurafat terhadap bomoh yang masih diamalkan di sebuah kampung di Melaka Tengah, Melaka daripada pelbagai lapisan generasi wanita yang pernah hamil seawal 20 tahun sehingga kepada warga emas dan ke atas. Kajian juga dapat membuktikan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi masih lagi mengamalkan amalan khurafat terhadap bayi selain daripada golongan yang berpendidikan rendah. Jumlah anak yang dikandung dan dilahirkan juga menunjukkan bahawa ibu hamil dan bersalin melakukan amalan khurafat terhadap bomoh secara berterusan dan lebih daripada sekali proses kehamilan dan kelahiran.

Dengan terbinanya data di atas pengkaji juga dapat menilai seramai 38 orang wanita Melayu hamil dan bersalin dalam kalangan responden iaitu mewakili 84.4% mengulangi amalan dan kepercayaan khurafat terhadap bomoh lebih daripada sekali. Peratusan yang sangat tinggi ini menjadikan bomoh, dukun, pawang dan bidan kampung lebih dipercayai dan diterima.

Pengkaji telah menjumpai 7 amalan dan kepercayaan wanita Melayu hamil dan bersalin berkaitan bomoh seperti berikut:

3.1.1 Amalan khurafat yang pertama: majlis “baby shower”

Jadual 2

Distribusi amalan “baby shower” (ibu dan bayi dalam kandungan dimandikan dengan tujuan selamat sehingga bersalin)

Majlis “baby shower”	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	3	6.7
Tidak pernah melakukan	42	93.3
Jumlah	45	100

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majlis memandikan janin dan ibu pernah diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu mewakili 6.7% daripada keseluruhan responden berjumlah seramai 3 orang. Walaupun jumlah responden yang melakukannya terlalu sedikit, namun aktiviti ini pernah dan masih dilakukan di negeri Melaka. Adat seolah-olah menyatakan bahawa “baby shower” dibuat adalah bertujuan supaya menghilangkan rasa gemuruh ibu hamil untuk bersalin anak yang pertama atau sebagai satu ikhtiar agar upacara yang dibuat menjadi salah satu sebab bagi memudahkan ibu hamil bersalin terdapat di dalam satu kajian yang bertajuk “Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir” [5]. Perlakuan ini adalah sama dengan perbuatan sesetengah agama yang telah diamalkan oleh masyarakat zaman dahulu. Masyarakat yang mempercayai semangat hutan dan juga agama Hindu masih lagi mengamalkan upacara seperti ini menurut satu kajian yang bertajuk “Makna Filosofis Dalam Upacara Daur Hidup Mitoni Di Kabupaten Kebumen” [10].

Perbincangan

Terdapat pelbagai bahan yang wajib disediakan sebelum proses mandi “baby shower” ini berlaku. Bahan utamanya adalah setempayan air mandian yang dicampur dengan pelbagai jenis bunga. Bahan seterusnya adalah dua batang lilin, kain batik lepas yang belum berjahit, limau nipis, kelapa tua yang telah dikupas, buah pinang yang telah dimayang serta tepung tawar. Upacara mandi ini dilakukan di luar rumah (menghadap pintu rumah) sambil diperhatikan oleh tetamu yang hadir. Wanita hamil (7 bulan) akan dipakaikan pakaian batik lepas yang belum berjahit dengan kepercayaan tertentu (agar wanita bersalin dengan mudah), kain sarung dengan kepercayaan tertentu (supaya bayi yang bakal lahir tidak mempunyai bulu romah yang lebat), Nyalaan lilin dengan kepercayaan tertentu (supaya bayi yang akan lahir mudah keluar kerana mendapati cahaya), digolekkan telur ayam dari badan wanita hamil dengan kepercayaan tertentu (supaya anak yang akan lahir nanti mudah melorot keluar dari rahim ibunya) dan dimandikan supaya ibu dan bayi segar dan mudah melalui proses kehamilan menurut satu kajian yang bertajuk “Inteprestasi Ritual Mandi Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia” [11]. Perbuatan mandi 7 bulan ini kebiasaanya akan dilakukan oleh bidan kampung yang mengamalkan jampi serapah dan kepercayaan tertentu serta boleh mengetahui sesuatu nasib yang bakal dilalui oleh ibu hamil dengan berdasarkan petunjuk daripada buah kelapa tua, buah pinang dan telur ayam. Ini bertepatan dengan maksud Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar dengan mafhumnya;

“Barangsiaapa yang meniru suatu kaum, maka mereka termasuk dikalangan mereka”.

(Riwayat Imam Abu Daud, 4031) [19]

Kajian ini merumuskan bahawa mandi 7 bulan bagi ibu hamil adalah termasuk daripada perkara khurafat kerana terdapat padanya unsur syirik dan meniru upacara ritual agama Hindu dan kepercayaan Animisme. Justeru itu, perbuatan ini perlulah dijauhi kerana membawa kepada kesyirikan kepada Allah S.W.T.

3.1.2 Amalan khurafat yang kedua: minum air selusuh

Jadual 3

Distribusi amalan minum air selusuh yang dijampi bomoh supaya mudah bersalin

Minum air selusuh	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	45	100
Tidak pernah melakukan	0	0
Jumlah	45	100

Hasil daptan kajian menunjukkan bahawa 45 orang responden pernah meminum air selusuh yang telah dijampi oleh bomoh. Kesemua responden yang terlibat pernah melakukan perkara ini dan menjadi yakin bahawa janin mudah keluar daripada rahim adalah hasil daripada perbuatan minum air selusuh. Menurut sebuah kajian yang bertajuk "Analisis Struktur, Fungsi, dan Makna Mantra Selusuh Masyarakat Melayu Kecamatan Kendawangan Kabupaten Ketapang" menjelaskan bahawa air selusuh yang diminum oleh kebanyakan wanita hamil adalah air yang telah dijampi oleh tukang ubat (bomoh, dukun atau pawang) [12].

Terdapat beberapa makna merujuk kepada perkataan selusuh antaranya ialah menggelongsor, meluncur atau melorot menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka edisi keempat [18]. Dalam erti kata lain janin akan keluar dalam keadaan yang mudah daripada dalam rahim ibu hamil. Namun menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), perkataan selusuh juga membawa makna jampi untuk memudahkan orang bersalin. Di dalam kitab-kitab orang Melayu ada menyebutkan tentang perkara meminum air selusuh bagi wanita yang ingin mudah bersalin disokong dengan satu kajian bertajuk "Old Advices/Tips and Healthcare Practice as A Malay Local Knowledge Based on Manuscript MSS3140 Kitab Tibb" [4].

Begitu juga dengan makna jampi, sekiranya dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005[18] akan membawa maksud "kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian, atau mantera yang dibaca bagi menyembuhkan penyakit dan juga hajat-hajat lain yang tertentu". Jampi tidak sama dengan doa kerana permohonan bukan semata-mata kepada tuhan sedangkan doa lebih spesifik merujuk kepada potongan ayat al-Quran dan Hadis yang diguna pakai untuk menyatakan hasrat dan harapan kepada Allah S.W.T.

Perbincangan

Air selusuh memang tidak dapat dielakkan lagi dengan adat dan budaya masyarakat Melayu di dalam menyambut kelahiran bayi menurut kajian yang bertajuk "Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: satu analisis budaya/Aishah@ Eshah Haji Mohamed, Abd. Aziz Hj. Bidin" [13]. Jampi seraph yang dibacakan ke atas air akan diberikan kepada ibu yang ingin bersalin agar laluan rahimnya akan mudah terbuka serta memudahkan proses kelahiran bayi di dalam dunia ini. Ianya seolah-olah menggambarkan janin dikeluarkan daripada perut ibu yang hamil menggunakan bantuan daripada kuasa selain Allah (jin) dalam bentuk bacaan mantera dan jampi seraph. Firman Allah S.W.T yang bermaksud

“Dan sesungguhnya ada beberapa orang lelaki daripada kalangan manusia yang meminta perlindungan kepada beberapa lelaki daripada jin, tetapi mereka (jin) menjadikan mereka (manusia) bertambah sesat.”

(Hadis Riwayat Muslim) [20]

Terdapat juga Hadis daripada Nabi Muhammad S.A.W yang mlarang untuk mendapatkan nasihat dan pencerahan serta bantuan daripada bomoh, mafhumnya;

“Sesiapa mendatangi bomoh, kemudian bertanyakan sesuatu (kepada bomoh), maka solatnya tidak diterima selama 40 malam.”

(Hadis Riwayat Muslim) [21]

Justeru itu, bersandarkan kepada dua dalil di atas, kajian mendapati bahawa perbuatan meminum air selusuh yang dijampi oleh bomoh bagi ibu hamil agar mudah untuk bersalin hukumnya adalah haram dan berdosa besar. Pelakunya perlulah segera bertaubat kerana perbuatan tersebut jatuh kepada syirik terhadap Allah S.W.T.

Walaupun terdapat sesetengah pihak yang mendakwa bahawa ini adalah satu ikhtiar yang perlu dicuba bagi memudahkan ibu-ibu hamil untuk bersalin, namun ianya bercanggah dengan syarak kerana tidak menggunakan ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W. Ini berbeza dengan air yang dibacakan padanya ayat al-Quran dan Hadis nabi Muhammad S.A.W dengan tujuan untuk berubat. Perbuatan ini jelas menunjukkan permohonan hanya kepada Allah S.W.T semata-mata manakala air selusuh adalah permohonan yang dibuat kepada selain Allah.

3.1.3 Amalan khurafat yang ketiga: meletakkan daun geroda/ inggu apabila bayi kerap menangis

Jadual 4

Distribusi amalan meletakkan daun geroda/ inggu apabila bayi kerap menangis

Meletakkan daun geroda/ inggu apabila bayi kerap menangis	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	32	71
Tidak pernah melakukan	13	29
Jumlah	45	100

Berdasarkan kepada Jadual 4 di atas, didapati bahawa terdapat seramai 32 orang responden wanita iaitu mewakili sebanyak 71% pernah meletakkan daun geroda/ inggu kepada bayi dengan tujuan mengelakkan bayi daripada kerap menangis dipercayai diganggu jin dan syaitan manakala selebihnya iaitu 13 orang responden wanita iaitu mewakili 29% tidak pernah melakukannya.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati masih terdapat lagi responden yang mempercayai bahawa meletakkan daun geroda/ inggu kepada bayi dapat mengelakkan bayi daripada diganggu jin dan syaitan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat menyatakan bahawa inggu bermaksud sejenis getah yang dibekukan dan berbau busuk serta dijadikan ubat. Responden beranggapan bahawa bau-bauan yang busuk menjadikan jin dan syaitan itu lari.

Perbincangan

Secara umumnya mengetahui bahawa jin dan syaitan adalah makhluk yang suka kepada benda-benda kotor dan busuk. Justeru itu, kajian mendapati bahawa secara logik akal meletakkan daun geroda/ inggu kepada bayi tidak relevan untuk diamalkan kerana ianya membawa mudarat kepada bayi dan juga keadaan sekeliling yang berbau busuk. Walaupun pada dasarnya bau-bauan tersebut

dikatakan boleh mengelakkan syaitan dan jin daripada mendekati bayi, namun Sunnah Nabi Muhammad S.A.W menyuruh perbuatan berwangian supaya menghindar daripada bau-bauan yang busuk dan meloyakan. Ini bertepatan dengan Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang mafhumnya;

“Siapa yang diberikan padanya wangian, janganlah dia menolaknya”

(Musnad Imam Ahmad, Hadis bernombor 8264) [21]

Selain itu kajian juga mendapati bahawa terdapat unsur pemujaan pada inggu yang menjadikan bau-bauan busuk itu tidak mengganggu bayi. Ini kerana terdapat responden yang menyatakan bahawa inggu dan daun geroda boleh dibeli dan diperolehi daripada kedai barang sembahyang orang India (Hindu). Menurut responden lagi, inggu yang dibeli akan diberikan kepada bomoh untuk di “tawar” (dibacakan pelbagai jampi) sebelum digunakan. Justeru itu, perbuatan ini jelas membawa kepada khurafat dan melakukannya akan mendatangkan dosa besar serta syirik kepada Allah S.W.T.

3.1.4 Amalan khurafat yang keempat: memakaikan tangkal kepada bayi

Jadual 5

Distribusi amalan pemakaian tangkal terhadap bayi

Memakaikan tangkal kepada bayi	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	7	16
Tidak pernah melakukan	38	84
Jumlah	45	100

Berdasarkan kepada jadual 5 di atas, didapati bahawa terdapat responden yang masih lagi mengamalkan perbuatan memakai tangkal kepada bayi dengan tujuan mengelak daripada gangguan makhluk halus. Seramai 7 responden wanita mewakili 16 peratus pernah melakukan perkara tersebut manakala selebihnya iaitu 38 orang responden wanita mewakili 84% tidak pernah melakukannya. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih lagi terdapat responden yang mempercayai bahawa tangkal dapat melindung bayi daripada gangguan makhluk halus.

Perbincangan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka edisi keempat [18] menterjemahkan tangkal kepada sesuatu yang digunakan untuk menolak penyakit, hantu, jin dan lain-lain. Terdapat larangan yang jelas di dalam Islam tentang penggunaan tangkal. Sabda Rasulullah S.A.W yang mafhumnya

“Sesungguhnya jampi, tangkal dan ubat pengasih adalah syirik”

(Riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad) [21]

Justeru itu, pengkaji bertanyakan kepada responden tentang dimanakah tangkal diperolehi. Jawapan kesemua responden adalah daripada bomoh, dukun dan pawang yang mengamalkan cara rawatan tradisional. Pengkaji menjangkakan bahawa responden mendapatkan tangkal yang telah dijampi oleh bomoh dalam bentuk pemujaan serta meminta pertolongan selain daripada Allah S.W.T. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa perbuatan ini sangat khurafat dan syirik serta mendatangkan dosa besar sekiranya dilakukan. Pendapat pengkaji ini disokong dengan kajian yang bertajuk "Penggunaan Tamimah Dan Halqah Perspektif Tafsir Al-Azhar Dalam Paradigma Tradisi Masyarakat Kecamatan Kampa (Studi Analisis Living Qur'an)" [14].

3.1.5 Amalan khurafat yang kelima: mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari 3 benang warna, kulit kerang dan lain-lain

Jadual 6

Distribusi amalan mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari benang 3 warna, kulit kerang dan lain-lain

Mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari 3 benang warna, kulit kerang dan lain-lain	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	7	16
Tidak pernah melakukan	38	84
Jumlah	45	100

Berdasarkan kepada Jadual 6 di atas, didapati bahawa terdapat responden yang masih lagi mengamalkan perbuatan mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat daripada 3 benang warna, kulit kerang dan lain-lain dengan alasan mengelakkan bayi daripada sebarang penyakit. Seramai 7 responden wanita mewakili 16 peratus pernah melakukan perkara tersebut manakala selebihnya iaitu 32 orang responden wanita mewakili 84% tidak pernah melakukannya. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat lagi responden yang mempercayai bahawa amalan mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari benang 3 warna (hitam, merah dan putih) melambangkan warna warni kehidupan, kulit kerang (sebagai pelindung atau perisai kepada bayi) dan lain-lain (biji saga, buah getah dan magnet) dapat menghindarkan bayi daripada sebarang penyakit.

Perbincangan

Terdapat pantang larang dan adat di dalam masyarakat Melayu berkaitan tangkal atau kalungan untuk menghindarkan diri daripada penyakit berdasarkan kepada sebuah kajian yang bertajuk "Personalistik, etiologi penyakit, dan sistem perlindungan diri: menyingkap perspektif tradisi masyarakat melayu kedah" [7]. Kalungan ini dijampi bomoh dan dianggap ikhtiar di dalam menghindarkan diri daripada sebarang bentuk penyakit termasuk ibu hamil dan juga bayi berdasarkan kepada kajian yang bertajuk "Gundik Dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Naratif Daripada Karya Historiografi Melayu Terpilih" [15]. Ini bertentangan dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W yang mafhumnya;

"Apabila kamu ingin sesuatu, maka mintalah kepada Allah S.W.T. Dan apabila kamu meminta pertolongan, maka mintalah kepada Allah S.W.T. Ketahuilah, jika ada satu kumpulan manusia berpakat untuk memberikan kebaikan kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikan apa-apa melainkan apa yang ditulis oleh Allah S.W.T untukmu. Dan jika mereka berpakat untuk mendatangkan keburukan kepadamu, mereka tidak akan mampu menimpakan apa-apa melainkan apa yang telah Allah S.W.T tuliskan ke atasmu"

(Hadis Riwayat Imam Tarmizi, Hadis bernombor 2516) [20]

Kajian mendapati bahawa mengajukan pertolongan kepada selain Allah S.W.T akan membawa kepada syirik. Perbuatan syirik adalah haram dan berdosa besar berdasarkan kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana mempersekuatkanNya (syirik) dan Dia mengampuni apa (dosa) selain (syirik) itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa mempersekuatkan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa besar"

(Surah al-Nisa', 4:48)

Berdasarkan kepada dua dalil di atas, pengkaji merasakan bahawa amalan mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari benang 3 warna, kulit kerang dan lain-lain dengan tujuan dapat menghindarkan bayi daripada sebarang penyakit adalah salah di sisi syarak dan meminta bantuan kepada makhluk halus adalah salah di sisi Islam serta membawa kepada khurafat dan syirik yang nyata terhadap Allah bertepatan dengan kajian yang bertajuk "Penggunaan Tamimah Dan Halqah Perspektif Tafsir Al-Azhar Dalam Paradigma Tradisi Masyarakat Kecamatan Kampa (Studi Analisis Living Qur'an)" [14].

3.1.6 Amalan khurafat yang keenam: berjumpa dengan bomoh

Jadual 7

Distribusi amalan berjumpa dengan bomoh, dikhuatiri sawan tangis

Berjumpa dengan bomoh kerana bayi kerap menangis	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	18	40
Tidak pernah melakukan	27	60
Jumlah	45	100

Berdasarkan kepada Jadual 7 di atas, seramai 18 orang responden iaitu mewakili 40% dalam kalangan ibu hamil dan bersalin yang pernah berkunjung ke rumah bomoh untuk mendapatkan rawatan pelbagai jenis penyakit terhadap bayi yang kerap menangis. 60% responden yang terdiri daripada 27 orang tidak pernah melakukan perbuatan tersebut. Secara logiknya, aktiviti pembomohan bukanlah satu idea yang tepat untuk menyelesaikan masalah bayi yang kerap menangis, namun kepercayaan terhadap perkara mistik menjadikan ibu hamil dan bersalin mendatangi bomoh seolah-olah beroleh penjelasan yang tuntas terhadap alam ghaib di dalam menyelesaikan masalah bayi yang kerap menangis kerana beranggapan bayi yang dilahirkan bukanlah menangis kerana lapar, sebaliknya adalah perbuatan makhluk halus yang suka mengganggu bayi yang baru dilahirkan seperti yang terdapat di dalam kajian yang bertajuk "Dukun bayi dalam persalinan oleh masyarakat Indonesia." [16].

Bomoh menurut Kamus Dewan membawa maksud seorang tabib (doktor) yang mengubati orang sakit dengan menggunakan kaedah perubatan secara tradisional atau cara kampung dan jampi-jampi. Pawang dan dukun adalah dua istilah yang sinonim dengan bomoh dan sering kali diguna pakai merujuk kepada tukang ubat kampung dan alam mistik.

Perbincangan

Dalam pernyataan sebelum ini, kajian telah menjelaskan bahawa hukum berkaitan bomoh adalah jelas haram kerana terdapat di dalamnya unsur pemujaan selain Allah S.W.T dan permohonan dengan pelbagai makhluk dalam kalangan jin dan syaitan. Terdapat juga dalil daripada al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang melarang meminta pertolongan kepada bomoh (tukang tilik).

Justeru itu, pengkaji telah menetapkan pendirian bahawa meminta bantuan daripada bomoh boleh membawa kepada syirik dan berdosa besar sekiranya dilakukan.

3.1.7 Amalan khurafat yang ketujuh: wanita yang bersalin dimandikan dengan air perahan limau nipis yang telah dijampi

Jadual 8

Distribusi amalan wanita yang bersalin dimandikan dengan air perahan limau nipis yang telah dijampi

Wanita yang bersalin dimandikan dengan air perahan limau nipis yang telah dijampi	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Pernah melakukan	5	11
Tidak pernah melakukan	40	89
Jumlah	45	100

Berdasarkan Jadual 8, terdapat 5 orang responden yang mewakili 11% daripada keseluruhan responden yang pernah melakukan mandian dengan air perahan limau nipis yang telah dijampi manakala 89% yang mewakili 40 orang responden tidak pernah melakukan perkara tersebut.

Penyediaan mandian wanita sesudah bersalin kebiasaannya akan merujuk kepada orang tua yang masih lagi hidup di suatu kawasan dengan pengetahuan yang mendalam terhadap adat dan petua yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang terdahulu dalam kalangan ahli keluarga yang terdekat. Namun sekiranya tidak dijumpai, maka perkhidmatan bidan atau pun bomoh sangat diperlukan bagi menyelesaikan amalan mandian sesudah bersalin bagi menyatakan bahawa wanita terbabit telah selesai melalui tempoh bersalin dan telah bersedia untuk menjalani kehidupan seperti biasa berdasarkan kepada satu kajian yang bertajuk "Perbandingan Ritus Anak Pada Masyarakat Osaka Di Jepang Dan Masyarakat Melayu Pontianak di Indonesia" [17].

Perbincangan

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat lagi responden yang mempercayai bahawa jampi dapat menolak sebarang musibah sedangkan agama Islam tidak membenarkan sebarang bentuk jampi selain daripada ayat-ayat Allah S.W.T. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud;

"Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Marilah (mengikuti) apa yang diturunkan Allah dan (mengikuti) Rasul." Mereka menjawab, "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapat daripada nenek moyang kami (melakukannya)." Apakah (mereka akan mengikuti) juga nenek moyang mereka walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak (pula) mendapat petunjuk?"

(Surah al-Maidah, 5:104)

Justeru itu, sangat jelas berdasarkan kepada dalil di atas bahawa sebarang bentuk jampi serapah tidak dibenarkan di dalam Islam melainkan menggunakan beberapa potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W sahaja dibenarkan. Ini kerana meminta selain daripada pertolongan Allah S.W.T akan membawa kepada syirik dan perkara syirik adalah termasuk di dalam golongan dosa-dosa besar.

3.2 Tahap Kefahaman Responden Tentang Amalan Khurafat Berkaitan Bomoh

Jadual 9

Interpretasi skor min

Min	Interpretasi
3.67 – 5.00	Tahap kefahaman tentang khurafat terhadap bayi yang tinggi.
2.34 – 3.66	Tahap kefahaman tentang khurafat terhadap bayi yang sederhana.
1.00 – 2.33	Tahap kefahaman tentang khurafat terhadap bayi yang rendah.

Berdasarkan kepada jadual di atas, skor min 3.67 – 5.00 menunjukkan kepada tahap kefahaman yang tinggi tentang amalan khurafat terhadap bayi. Ini membawa maksud responden mengetahui amalan khurafat terhadap bayi, namun masih lagi mengamalkannya kerana berpegang dengan adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu. Responden merasakan bahawa tiada kesalahan mencampurkan adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu dengan panduan yang datang daripada al-Quran, Sunnah, Ijmak ulama dan Kias.

Skor min 2.34 hingga 3.66 menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden berkaitan khurafat terhadap bayi masih ditahap sederhana. Ini membawa maksud responden memahami tentang amalan khurafat terhadap bayi, namun pengetahuan responden masih belum meluas tentang khurafat terhadap bayi secara keseluruhan. Responden merasakan adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu boleh diterima pakai dan tidak menolak kesemuanya walaupun bertentangan dengan syarak.

Manakala skor min 1.00 hingga 2.33 menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden berkaitan khurafat terhadap bayi berada pada tahap rendah. Ini membawa maksud responden tidak memahami tentang amalan khurafat terhadap bayi dan beranggapan semua yang datang daripada adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu terdahulu boleh diamalkan dan diwariskan pada generasi akan datang.

Jadual 10

Ringkasan hasil dapatan kajian khurafat terhadap bayi beserta nilai min

Soalan	Nilai min
Melakukan perbuatan khurafat berkaitan bomoh adalah berdosa besar dan membawa kepada syirik terhadap Allah.	4.75
Terdapat unsur khurafat berkaitan bomoh di dalam adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu.	2.19
Bomoh, pawang, dukun dan bidan kampung menghidupkan kembali amalan khurafat terhadap bayi di dalam masyarakat Melayu.	2.55
Saya memahami keseluruhan amalan khurafat terhadap bayi dan tidak pernah melakukannya.	1.43
Masyarakat Melayu yang beragama Islam perlulah meninggalkan adat dan pantang larang yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W.	3.45

Pengkaji telah mengajukan 5 item soalan bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman responden berkaitan khurafat berkaitan bomoh. Item soalan adalah seperti berikut

- Melakukan perbuatan khurafat berkaitan bomoh adalah berdosa besar dan membawa kepada syirik terhadap Allah.

Di dalam soalan item 1 ini, pengkaji mendapati bahawa responden menjawab dengan jelas dan baik melalui kajian soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min tertinggi diperolehi daripada pernyataan item 1 di atas dengan nilai 4.75 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Responden

mengetahui bahawa perbuatan khurafat berkaitan bomoh adalah syirik dan berdosa besar sekiranya dilakukan.

- ii. Terdapat unsur khurafat berkaitan bomoh di dalam adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu.

Di dalam soalan item 2 ini, pengkaji mendapati bahawa responden menjawab dengan jelas dan baik melalui kajian soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min yang diperolehi daripada pernyataan item 2 di atas dengan nilai 2.19 iaitu berada pada tahap yang rendah. Responden meyakini bahawa adat dan pantang larang masyarakat Melayu tiada unsur khurafat lebih-lebih lagi berkaitan bomoh.

- iii. Bomoh, pawang, dukun dan bidan kampung menghidupkan kembali amalan khurafat terhadap bayi di dalam masyarakat Melayu.

Di dalam soalan item 3 ini, pengkaji mendapati bahawa responden menjawab dengan jelas dan baik melalui kajian soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min yang diperolehi daripada pernyataan item 3 di atas dengan nilai 2.55 iaitu berada pada tahap sederhana. Responden masih berbelah bahagi dengan soalan yang diajukan oleh pengkaji. Masih terdapat lagi kepercayaan terhadap bomoh, dukun, pawang dan bidan kampung walaupun telah berada dalam zaman yang moden dan canggih.

- iv. Saya memahami keseluruhan amalan khurafat terhadap bayi dan tidak pernah melakukannya.

Di dalam soalan item 4 ini, pengkaji mendapati bahawa responden menjawab dengan jelas dan baik melalui kajian soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min yang diperolehi daripada pernyataan item 4 di atas adalah yang paling rendah dengan nilai 1.43 iaitu berada pada tahap yang rendah. Walaupun keseluruhan responden tidak melakukan semua amalan khurafat yang diutarakan oleh pengkaji (7 amalan yang berada di dalam senarai), namun sebahagian atau paling kurang satu daripada senarai yang diberikan oleh pengkaji pernah dilakukan oleh responden semasa tempoh hamil dan bersalin.

- v. Masyarakat Melayu yang beragama Islam perlulah meninggalkan adat dan pantang larang yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

Di dalam soalan item 5 ini, pengkaji mendapati bahawa responden menjawab dengan jelas dan baik melalui kajian soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min yang diperolehi daripada pernyataan item 5 iialah 3.45 iaitu berada pada tahap sederhana yang hampir mencécah pada tahap yang tinggi. Pengkaji menjangkakan bahawa terdapat responden yang bersetuju dengan kenyataan di atas, namun terdapat sebahagian kecil responden yang beranggapan bahawa adat masyarakat Melayu tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.


3.3 Rumusan Tahap Kefahaman Wanita Melayu Hamil Dan Bersalin Berkaitan Bomoh

Rumusan daripada jadual di atas menunjukkan bahawa keseluruhan min yang diperolehi daripada 5 item soalan di atas ialah 2.874 iaitu berada pada tahap sederhana. Tahap kefahaman responden tentang khurafat berkaitan bomoh berada pada tahap sederhana. Justeru itu, pengkaji mendapati bahawa responden memahami tentang amalan khurafat perlulah dijauhi, namun pengetahuan responden masih belum meluas tentang khurafat berkaitan bomoh. Responden merasakan adat resam dan pantang larang masyarakat Melayu boleh diterima pakai dan tidak

menolak kesemuanya walaupun bertentangan dengan syarak. Justeru itu, hasil kajian menunjukkan bahawa akidah responden perlu diberi perhatian dan dipandang serius. Ini kerana responden mengetahui amalan khurafat berkaitan bomoh, namun pada masa yang sama masih melakukan amalan tersebut. Perbuatan ini jelas boleh mendatangkan dosa besar kepada responden kerana masih melakukan amalan khurafat berkaitan bomoh dalam keadaan sedar dan sengaja.

4. Kesimpulan

Pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan kepada konsep iman. Berpandukan kepada rajah di bawah yang telah dibangunkan oleh pengkaji, jelas menunjukkan bahawa manusia hidup di dunia berlandaskan kepada dua jalan iaitu baik dan buruk. Dengan akal yang telah diberikan, manusia perlulah membuat pilihan yang tepat untuk menentukan kehidupan yang seterusnya selepas daripada kematian (alam akhirat). Justeru itu, pengkaji telah membuktikan bahawa khurafat membawa kepada jalan yang sesat dan begitulah sebaliknya. Hati dan nafsu senantiasa berubah. Manusia yang bijak dapat menarik nafsu mengikut panduan yang tepat daripada Allah dan Rasul dan begitulah sebaliknya. Meminta kepada bomoh boleh membawa kepada syirik yang jelas dan nyata kerana meminta pertolongan selain daripada Allah S.W.T.



Rajah 1. Konsep iman yang dibangunkan oleh pengkaji

Tidak dinafikan bahawa unsur khurafat adalah satu bentuk ikhtiar dan jalan keluar bagi setiap asas pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Namun, segalanya boleh berubah pada masa

kini dengan pelbagai pembuktian dari sudut sains dan teknologi. Justeru itu, pemilihan melalui perkembangan sains dan teknologi serta perubatan moden tidak termasuk di dalam amalan khurafat kerana tidak membabitkan mana-mana kepercayaan tertentu serta tidak menyalahi akal pemikiran manusia yang waras.

Akhirnya, pengkaji merasakan bahawa amalan dan kepercayaan khurafat wanita hamil dan bersalin dalam kalangan masyarakat melayu berkaitan bomoh boleh dihapuskan secara total sekiranya semua pihak dapat menyebarkan metode yang benar dan dianjurkan di dalam agama Islam. Hanya dengan cara ini sahaja dapat membetulkan kembali akidah masyarakat Melayu dan mengelakkan daripada tergelincir ke arah bisikan dan pujuk rayu syaitan yang senantiasa membisik dan merayu agar menjauhi syariat yang datang daripada al-Quran, Sunnah, Ijma' ulama dan Kias. Pengkaji merasakan sudah tiba masanya masyarakat Melayu menjauhi bomoh, dukun, pawang dan bidan kampung kerana jampi serapah yang diamalkan oleh mereka tidak menggunakan ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W. Permohonan dan pemujaan yang dibuat oleh bomoh adalah selain daripada Allah S.W.T dan ianya tertolak di dalam agama Islam serta mendatangkan dosa besar dan mensyirikkan Allah S.W.T dengan sengaja.

Penghargaan

Segala puji bagi Allah yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad S.A.W utusan terakhir dan pembawa hidayah kepada makhluk seluruhnya. Alhamdulillah, pengkaji akhirnya dapat menyelesaikan kajian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Walaupun terdapat pelbagai rintangan, halangan, kekangan dan masalah yang berlaku sepanjang menyelesaikan kajian ini, pengkaji dapat menghadapinya dengan penuh kesungguhan dan ketekunan. Pengkaji dapat mempelajari sesuatu yang bermakna di dalam hidup sebagai seorang yang amanah di dalam bidang akademik.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, kepada semua ahli keluarga saya, isteri dan anak-anak yang menjadi sumber motivasi dan rangsangan untuk menyiapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membala segala jasa baik dan pengorbanan yang telah mereka curahkan. Justeru itu, hasil kajian ini adalah buah tangan dari saya kepada seluruh keluarga dan penyelidik yang akan datang untuk dimanfaatkan. Semoga kajian ini mendatangkan pahala di sisi Allah. Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran. Sekian, terima kasih.

Pengakuan

Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji tanpa dibiayai oleh mana-mana pihak.

Rujukan

- [1] Abdullah, R., & Abas, W. M. U. W. (2023). Amalan Khurafat Berkaitan Bayi Dalam Masyarakat Melayu Islam Melaka [Superstitious Practices Related to Babies In The Malay Muslim Community Of Malacca]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 1-13.
- [2] Abdullah, R. (2023). Uri Bayi dan Amalan Khurafat Selepas Bersalin dalam Kalangan Masyarakat Melayu Melaka: Baby Uri and Superstition Practices After Childbirth among the Malay Community of Melaka. *Jurnal Pengajaran Islam*, 16(2), 207-216.
- [3] Salleh, M. K. M., Manaf, M. F. A., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144-157.
- [4] Hussain, Eizah Mat, Zahir Ahmad, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Nur Yuhanis Mohd Nasir, and Nurhamizah Hasyim. "OLD ADVICES/TIPS AND HEALTHCARE PRACTICE AS A MALAY LOCAL KNOWLEDGE BASED ON MANUSCRIPT MSS3140 KITAB TIBB." In *Proceeding of The International Conference on Literature*, vol. 1, no. 1, pp. 86-95. 2019.

- [5] Zainal, Habli. "Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir." *At-Tadabbur: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan* 11, no. 2 (2021).
- [6] Sundara, Daniel, Nanik Rahmawati, and Rahma Syafitri. "MITOS DALAM MERAWAT BAYI DI DESA KELONG." *Student Online Journal (SOJ) UMRAH-IImu Sosial dan Ilmu Politik* 1, no. 2 (2020): 577-585.
- [7] Johari, Muhamad Abdul Hadi, and Ahmad Hakimi Khairuddin. "Personalistik, etiologi penyakit, dan sistem perlindungan diri: menyingkap perspektif tradisi masyarakat melayu kedah." *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6, no. 2 (2018): 55-67
- [8] Krejcie, Robert V., and Daryle W. Morgan. "Determining sample size for research activities." *Educational and psychological measurement* 30, no. 3 (1970): 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- [9] Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.Modul Motivasi Solat (t.th). Pusat Motivasi Harmoni.
- [10] Estiningtyas, Indira Hapsari. "Makna Filosofis Dalam Upacara Daur Hidup Mitoni Di Kabupaten Kebumen." (2019). <https://doi.org/10.31227/osf.io/hdzt8>
- [11] Paul, Daisy, Nor Sahayu Hamzah, and Tuan Nur Aisyah Tuan Abdul Hamid. "INTEPRESTASI RITUAL MANDI DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA (THE INTERPRETATION OF BATHING RITUALS AMONG MALAYSIAN SOCIETY)." *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3, no. 2 (2019).
- [12] Yusputa, Eli, A. Totok Priyadi, and Henny Sanulita. "Analisis Struktur, Fungsi, dan Makna Mantra Selusuh Masyarakat Melayu Kecamatan Kendawangan Kabupaten Ketapang." *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (JPPK)* 5, no. 2.
- [13] Aziz, Abd. "Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: satu analisis budaya/Aishah@ Eshah Haji Mohamed, Abd. Aziz Hj. Bidin." *Jurnal Melayu* 7 (2011): 121-146.
- [14] HAYATI, SAFIRA MALIA. "PENGGUNAAN TAMIMAH DAN HALQAH PERSPEKTIF TAFSIR AL-AZHAR DALAM PARADIGMA TRADISI MASYARAKAT KECAMATAN KAMPA (Studi Analisis Living Qur'an)." PhD diss., UNIVERSITAS ISLAM NEGERI SULTAN SYARIF KASIM RIAU, 2020.
- [15] Jalil, Sekolah Sukan Bukit. "GUNDIK DALAM MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: NARATIF DARIPADA KARYA HISTORIOGRAFI MELAYU TERPILIH." *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*: 343.
- [16] Anggorodi, Rina. "Dukun bayi dalam persalinan oleh masyarakat Indonesia." *Makara Kesehatan* 13, no. 1 (2009): 9-14.
- [17] Renisa Nursaliati, Chikitha. "PERBANDINGAN RITUS ANAK PADA MASYARAKAT OSAKA DI JEPANG DAN MASYARAKAT MELAYU PONTIANAK DI INDONESIA." PhD diss., Unsada, 2022.
- [18] dan Pustaka, Dewan Bahasa. "Kamus dewan." (*No Title*) (1992).
- [19] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad al-Hadith (2018, November 16). Diakses pada 1 November 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/2776-irsyad-al-hadith-siri-ke-302-syarah-hadith-tasyabbuh>
- [20] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad al-Fatwa (2017, Mac 27). Diakses pada 1 November 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/907-irsyad-al-fatwa-siri-ke-189-hukum-berubat-dengan-perawat-islam-dan-meminta-pertolongan-jin>
- [21] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad al-Fatwa (2018, April 4). Diakses pada 1 November 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2360-irsyad-al-fatwa-siri-ke-219-hukum-mengamalkan-jampi-nenek-moyang>